



27 MAY, 2026

Dah terang-benderag

Harian Metro, Malaysia



Oleh T.N. Alagesh
alagesh@nst.com.my

Jerantut

Sejak tiga tahun lalu, sebuah rumah setingkat dengan bilik bertabir di Kampung Kuala Sat, Ulu Tembeling, di sini, hanya ditemani kegelapan dan sekadar samar-samar diterangi lampu berkuasa bateri.

Namun kelmarin, detik yang sekian lama dinantikan akhirnya tiba buat mekanik, Muhammad Ramadhan Abdul Hamid, yang sebelum ini tular selepas memegang kad manila memohon bantuan Sultan Pahang, apabila mentol kalimantang mula menyala di rumahnya buat kali pertama.

Sambil berdiri di bawah cahaya putih itu, ahli keluarganya diselubungi emosi apabila rumah bata simen mereka bertukar menjadi ruang yang penuh keceriaan menjelang sambutan Aidiladha hari ini.

Isterinya, Nur Afiqah Malek, 32, tersenyum kegembiraan manakala anak lelaki mereka yang berusia lima tahun menonton dengan penuh kagum setiap

Dah terang-benderag

Aidiladha pada tahun ini lebih bermakna buat mekanik sekeluarga

kali bapanya memetik suis dan seluruh rumah diterangi cahaya lampu yang terang.

Ramadhan, 30, berkata, keluarganya sebelum ini terpaksa bergantung kepada lampu minyak tanah, generator dan panel solar yang disambungkan ke bateri lori sepanjang 13 tahun lalu, termasuk ketika dia tinggal bersama ibu bapanya berhampiran kawasan itu sebelum berpindah ke rumahnya sekarang pada 1 Januari 2024.

"Saya masih cuba membiasakan diri melihat rumah ini terang-benderag. Semalam adalah kali pertama seluruh rumah diterangi sepenuhnya, mewujudkan suasana tempat tinggal sangat berbeza.

"Saya memasang lapan lampu kalimantang di bahagian dalam dan luar rumah. Malah kami kini sudah ada kipas siling," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Menurutnya, perubahan itu membawa emosi yang sangat mendalam terutama apabila dia memetik suis lampu buat kali pertama di hadapan isteri dan anak lelakinya yang kelihatan teruja.

"Isteri saya mengusahakan kedai makan di luar rumah, jadi sekarang dia merancang untuk menambah lagi menu jualan dan mungkin beroperasi sehingga lewat malam.

"Semalam (kelmarin), anak saya berbaring di atas lantai, terpesona melihat lampu-lampu itu. Sekarang dia sudah boleh belajar pada waktu malam tanpa perlu bergantung kepada cahaya yang malap," katanya.

Ramadhan berkata, suasana di rumah kini menjadi lebih ceria setelah bertahun-tahun hidup dalam kegelapan sekali gus menjadikan sambutan Aidiladha tahun ini jauh lebih bermakna.

"Saya akan menyimpan wang perlahan-lahan untuk membeli sebuah peti sejuk bagi menyimpan sayur-sayuran dan daging. Kami juga merancang untuk terus membaik pulih rumah ini," katanya sambil

memberitahu kerja-kerja pendawaian disiapkan dengan bantuan sepupunya selepas meter elektrik dipasang pada 23 Mei lalu.

Dia turut berterima kasih kepada Sultan Pahang, Al-Sultan Abdullah Ri'aya-

tuddin Al-Mustafa Billah Shah kerana sudi berhenti selepas terpancang dirinya memegang kad manila pada 17 Mei lalu.

"Terima kasih kepada semua pihak terutamanya Sultan Pahang, kerajaan negeri Pahang, Tenaga Nasional Berhad, Ahli Dewan Undangan Negeri Lantikan, Haris Salleh (Hamzah) serta semua pihak yang memberikan sokongan moral dan doa sepanjang beberapa hari lalu," katanya.



RUMAH Muhammad Ramadhan bercahaya pada waktu malam selepas kediamannya di di Kampung Kuala Sat, Jerantut mendapat bekalan elektrik.